



**PEKELILING  
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT  
BIL. 13 TAHUN 2012**

---

**PELANJUTAN TEMPOH PERMOHONAN BANTUAN TAYAR  
TEKSI RAKYAT 1 MALAYSIA**

**SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

**TARIKH: 30 OKTOBER 2012**

Semua pengendali teksi, kereta sewa dan teksi lapangan terbang

Semua persatuan pengusaha teksi dan kereta sewa

## **PELANJUTAN TEMPOH PERMOHONAN BANTUAN TAYAR 1MALAYSIA**

### **TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua pengendali dan persatuan teksi, kereta sewa dan teksi lapangan terbang berhubung pelanjutan tempoh permohonan bantuan tayar Teksi Rakyat 1 Malaysia (TR1Ma).

### **LATAR BELAKANG**

2. Pada 24 Jun 2012, Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia telah melancarkan Program Teksi Rakyat 1Malaysia (TR1Ma) di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil. Antara inisiatif di bawah TR1Ma ialah pemberian baucar bantuan tayar TR1Ma berjumlah RM520 kepada pemandu teksi, kereta sewa dan teksi lapangan terbang untuk menggantikan empat tayar dengan tayar baru.

3. Pemberian BT1M ini dijangka memberi manfaat kepada 70,000 pemandu teksi, kereta sewa dan teksi lapangan terbang yang berdaftar di seluruh Malaysia.

4. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) telah diberi tanggungjawab untuk menyelaras pemberian baucar ini kepada semua pemandu teksi, kereta sewa dan teksi lapangan terbang yang layak di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

#### **KEPUTUSAN YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

4. Sehingga 24 Oktober 2012, hanya 49,500 pemandu sahaja telah memohon dan diberikan BT1M.

5. Sehubungan itu, S.P.A.D. telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh permohonan BT1M sehingga 30 November 2012 bagi membolehkan pemandu yang belum memohon untuk mengemukakan permohonan kepada S.P.A.D.

5. Permohonan bantuan tayar TR1Ma yang diterima selepas daripada tarikh yang dinyatakan di atas tidak akan dipertimbangkan.

6. Borang permohonan ini boleh diperolehi melalui:

- (a) Laman web S.P.A.D. di [www.spad.gov.my](http://www.spad.gov.my);
- (b) Pejabat S.P.A.D. Wilayah; dan
- (c) Pejabat Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah dan Sarawak.

7. Semua pengendali dan persatuan pengusaha teksi dipohon untuk memaklumkan semua pemandu yang berkenaan untuk mengambil tindakan sewajarnya.

#### **TARIKH KUATKUASA**

8. Arahan pekeliling pelanjutan tempoh permohonan Bantuan Tayar 1Malaysia ini berkuatkuasa serta-merta.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



(AZHAR BIN AHMAD)  
Ketua Pegawai Operasi  
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat

**30 OKTOBER 2012**